

# Galakkan pelajar baca *Utusan Malaysia*, Kosmo!

**KUALA LUMPUR 10 Sept.** - Para pelajar perlu mendapatkan maklumat yang sahih dengan mendapat sumber dari media arus perdana, khususnya *Utusan Malaysia* dan *Kosmo!* yang menyajikan pelbagai kandungan yang lebih tepat dan menarik.

Pengarah Jabatan Strategi Korporat dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Azmawani Abd. Rahman berkata, hal itu bagi memastikan setiap pelajar tidak terpedaya dengan berita-berita palsu dengan hanya membaca di portal berita sensasi semata-mata.

"Kita sebagai tenaga pengajar sentiasa risau dengan bahan bacaan pelajar memandangkan terlalu banyak portal sensasi yang mengetengahkan maklumat mencurigakan.



**PENGARANG *Utusan Malaysia*, Datuk Zulkefli Hamzah (tujuh dari kiri) bersama rombongan Jabatan Strategi Korporat dan Komunikasi UPM yang diketuai Azmawani Abd. Rahman (enam dari kiri) di Ibu Pejabat Utusan Melayu di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/NOOR AZLINA JAAFAR**

"Pihak universiti sentiasa memandang berita yang dike-tengahkan *Utusan Malaysia* menarik daripada pelbagai aspek,

tidak kira sama ada di media cetak mahupun dalam media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram," katanya

ketika menyertai delegasi UPM mengadakan kunjungan ke Ibu Pejabat Utusan Melayu (Malaysia) Berhad di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengarang Eksekutif Prosesan, Mohd. Ridzwan Md. Iman; Pengarang Eksekutif Media Baharu, Aznan Bakar serta Pengarang Eksekutif Mega/Jawi, Mohammad Radzi Mohd. Zin.

Mengulas lanjut, Azmawani berkata, pihaknya turut menggalakkan semua pensyarah untuk menulis dan berkongsi artikel mereka dengan akhbar *Utusan Malaysia* dan portal *Utusan Online* sebagai salah satu berkongsi ilmu pengetahuan dengan masyarakat.

Selain itu, beliau memaklumkan yang UPM turut berminat menjalankan kerjasama dengan *Utusan Malaysia* dari-pada segi kemasukan pelajar latihan industri dengan tujuan melahirkan lebih ramai wartawan berkaliber pada masa hadapan.